

Panel Penasihat Ekonomi Masa Hadapan akan kenal pasti ruang pertumbuhan baru S'pura

► **MUHAIMIN SUZAINI**
msuzaini@sph.com.sg

Panel Penasihat Ekonomi Masa Hadapan (FEAP) yang baru dibentuk akan mempergiatkan usaha terus mengenal pasti ruang pertumbuhan baru bagi memastikan Singapura kekal berdaya saing dan dapat membina kebolehan berterusan.

Mengatakan demikian, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI) berkata dalam satu kenyataan pada 15 Ogos bahawa FEAP akan memberi nasihat khusus untuk menyokong perkembangan dan transformasi ekonomi Singapura.

Ia dibentuk susulan tamat penggal Majlis Ekonomi Masa Hadapan (FEP) pada 2023, tambah kenyataan itu.

Sejak ditubuhkan pada 2017, FEC telah menyelia pengubalan dan pelaksanaan Perancangan Perubahan Industri (ITM) merentasi 23 industri, sekali gus menjadi “dorongan kuat dalam usaha transformatif rentas ekonomi”, kata MTI.

FEAP – dianggotai 21 anggota daripada pelbagai latar belakang, seperti ketua perniagaan, persatuan dan dewan perdagangan, kesatuan kerja, ahli akademik dan pemerintah – mengadakan pertemuannya pada 15 Ogos.

Panel tersebut dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Encik Heng Swee Keat, dan turut dianggotai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Gan Kim Yong.

Antara anggota lain pnel itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif yang juga pengarah DBS Group, Encik Piyush Gupta; dan Presiden Microsoft Asia, Encik Ahmed Mazhari.

MTI berkata anggota panel itu dilantik atas pengalaman dan kepakaran luas mereka dalam bidang berbeza dan daya kepimpinan kukuh dalam sektor masing-masing.

“FEAP bertujuan mengenal pasti ruang pertumbuhan baru agar Singapura dapat membina ekosistem kompetitif sejagat, membimbing pelaburan kita dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembelajaran sepanjang hayat... serta membina kerjasama lebih mendalam di dalam dan di luar Singapura,” kata Encik Heng.

“Ia akan memberi input berharga kepada pemerintah tatkala kita mengemudi perubahan pesat dalam teknologi dan pasaran, dalam persekitaran geopolitik yang lebih dipertikaikan.

“Matlamat kita ialah terus mencipta pekerjaan baik bagi rakyat Singapura dan mempertingkatkan kehidupan pekerja kita.”

Seorang anggota FEAP, rakan kongsi kanan yang juga pengarah lembaga bagi Bain & Company, Cik Chew Seow-Chien, berkata:

“Kita perlu mempertingkatkan cara syarikat dan pekerja (di Singapura) menyesuaikan diri dan kekal berdaya tahan di tengah-tengah perubahan yang belum pernah berlaku sebelum ini.

“Aliran global berubah dalam era pascaglobalisasi, mengimbangi penyahkarbonan dan penyediaan tenaga menjadi keutamaan segera, dan kecerdasan buatan (AI) membuka pintu kepada kemungkinan baru.”

Hal itu turut dikongsi Encik Gupta, yang menyifatkan transformasi “bukan sebagai pilihan tetapi satu keperluan”.

“Kerjasama merentasi syarikat berbilang negara dan perusahaan kecil hingga sederhana bukan sahaja berfaedah, malah penting dalam memupuk budaya inovasi serta peningkatan kemahiran ke arah ekonomi masa hadapan yang lebih berdaya saing dan mampan,” ujar beliau.

ANGGOTA PANEL PENASIHAT EKONOMI MASA HADAPAN (FEAP)

- Encik Heng Swee Keat (Timbalan Perdana Menteri)
- Encik Gan Kim Yong (Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perusahaan)
- Dr Bicky Bhangu (Presiden Rolls-Royce bagi Asia Tenggara, Pasifik dan Korea Selatan)
- Encik Piyush Gupta (Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah, DBS Group)
- Encik Chen Kok Sing (Naib Presiden Korporat dan Pengurus Negara bagi Singapura, Micron Technology)
- Cik Chew Seow-Chien Rakan Kongsi Kanan dan Pengarah Lembaga, Bain & Company)
- Cik Geraldine Chin (Pengerusi dan Pengarah Urusan, ExxonMobil Asia Pacific)
- Cik Euleen Goh (Pengerusi, Singapore Institute of Management Group Ltd)
- Encik Ho Teck-Hua (Presiden, Universiti Teknologi Nanyang)
- Encik Alex Hungate (Ketua Pegawai Operasi, Grab Holdings Inc)
- Encik Andrew Kwan (Pengarah Urusan Kumpulan, Commonwealth Capital Group)
- Encik Lee Chee Koon (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, CapitaLand Investment)
- Cik Jenny Lee (Rakan Kongsi Pengurusan Kanan, Granite Asia)
- Encik Lim Ming Yan (Pengerusi, Persekutuan Perniagaan Singapura (SBF))
- Encik Ahmed Mazhari (Presiden, Microsoft Asia)
- Encik Dilhan Pillay Sandrasegara (Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Temasek Holdings (Private) Limited, Temasek International Pte. Ltd)
- Encik Ng Chee Meng (Setiausaha Agung, Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC))
- Encik Andreas Sohmen-Pao (Pengerusi, BW Group)
- Profesor Tan Eng Chye (Presiden, Universiti Nasional Singapura (NUS))
- Encik Wong Kim Yin (Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Sembcorp Industries)
- Dr Zhou Lihan (Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif, MiRXES)